

16/08/1997

Konvensyen perkukuh prestasi Umno di Sabah

ESOK (Ahad, 17 Ogos) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Konvensyen Umno Negeri Sabah Keempat di Kota Kinabalu bertemakan Ke Arah Penghayatan Budaya Umno. Sempena konvensyen itu, wartawan BH LICHONG ANGKUI menemui Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk Karim Ghani, bagi mendapatkan pandangan dan mengimbau pahit getir perjuangan sejak Umno bertapak di Sabah pada 1991.

Soal: Bagaimana persediaan konvensyen ini?

Jawab: Segala persiapan sudah final. Selain perwakilan dan pemerhati daripada Umno seluruh negeri, kita juga menjemput pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) serta veteran Umno dan mereka yang terbabit secara langsung atau jawatankuasa penaja yang berusaha membawa Umno ke negeri ini. Sempena perasmian itu diadakan tayangan klip video mengenai sejarah perjuangan Umno. Ini bagi membolehkan ahli mengimbau sejarahnya untuk dijadikan iktibar dalam meneruskan perjuangan parti. Saya percaya konvensyen ini sesuatu yang menarik untuk diikuti, terutama dalam perbincangan nanti.

Soal: Khabarnya ini konvensyen terbesar diadakan Umno Sabah?

Jawab: Ya, konvensyen ini adalah yang terbesar bagi Umno Sabah. Perwakilan saja dijangka sekitar 1,400 terdiri daripada jawatankuasa bahagian, wakil Pemuda dan Wanita, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Ahli Parlimen dan wakil bahagian yang dipilih ke mesyuarat agung di Kuala Lumpur nanti. Sementara pemerhati dari bahagian juga dijemput dan keseluruhannya dianggarkan 3,000 orang akan hadir dalam konvensyen ini. Saya percaya konvensyen ini yang bertemakan Ke Arah Penghayatan Budaya Umno amat bermanfaat dan penting bagi perjuangan Umno keseluruhannya.

Soal: Apakah usul yang akan dibincangkan nanti?

Jawab: Ada empat topik dibincang iaitu soal ekonomi, pembangunan, pendidikan dan agama. Ia akan dibahaskan oleh perwakilan dan kita akan memberi peluang seramai mungkin mengambil bahagian. Justeru, kita cuba hadkan tempoh perbincangan seseorang kepada 15 minit supaya ramai orang boleh mengambil bahagian. Menerusi perbincangan ini, kita berharap ia dapat mengkaji dan menilai prestasi Umno sejak masuk ke Sabah pada 1991 dan sejak BN memerintah negeri ini pada 1994. Saya percaya perbincangan kali ini lebih bermutu dan subjek yang dibincang pun adalah sangat menarik. Perbincangan pada konvensyen ini akan "hidup" selaras tujuannya untuk menaikkan semangat perjuangan di samping sebagai persediaan menghadapi cabaran lain.

Soal: Rasional pemilihan tema konvensyen ini?

Jawab: Umno di Sabah masih baru. Cuma kira-kira enam tahun sejak bertapak di Sabah pada 1991. Dari segi keahlian, kita di Sabah mempunyai ahli terbanyak berbanding negeri lain. Secara umum, sememangnya budaya Umno sudah meresapi jiwa perjuangan pemimpin dan ahli-ahli parti. Apa yang kita mahukan ialah kita memantapkan lagi disiplin parti di semua peringkat pimpinan. Inilah yang sering ditekankan Presiden parti. Umpamanya, kita boleh berbahas dan berhujah mengenai sesuatu isu, tetapi apabila keputusan dibuat, semua orang mesti akur terhadap keputusan itu. Sesuatu keputusan yang dibuat tetap muktamad. Bukannya kalau keputusan yang dibuat itu baik untuk kepentingan kita barulah kita akur dan sebaliknya kalau keputusan tidak baik untuk kita, kita tidak akur. Budaya yang sebegini kita mahu kikis. Dalam Umno, disiplinnya ialah anda boleh berbahas dan tak setuju ketika perbincangan, tetapi apabila keputusan diambil, semua pihak mesti

menerimanya.

Satu lagi yang mahu kita tekankan dalam soal ini ialah meningkatkan kepercayaan kepada perjuangan Umno. Sejarah lompat melompat (dari satu parti ke parti lain) yang menjadi kelaziman dalam politik Sabah dahulu ingin kita tegaskan bahawa ia bukan budaya Umno. Selain itu, kita sedang perkenalkan budaya mencegah politik wang dan alhamdulillah... sekarang dalam mesyuarat lalu, amalan politik wang sudah ketara berkurangan. Ini selari dengan usaha yang dilaksanakan di peringkat Pusat.

Soal: Apakah ini bermakna budaya Umno itu boleh diterima ahli di Sabah?

Jawab: Sebenarnya budaya parti ini sudah dalam proses penerimaan di kalangan ahli Umno di Sabah. Saya penerimaannya mencapai 80 peratus. Kita mahu memantapkan dan memperkukuhkan penerimaan mereka supaya Umno di Sabah dan seluruh negara akan terus unggul. Kita mahu tekankan bahawa Umno itu lebih penting daripada personaliti seseorang. Pemimpin datang dan pergi, tetapi perjuangan Umno akan berterusan. Kalau ada masalah, kita akan lihat punca masalah itu. Jika dikenal pasti pemimpin dan ahli yang menjadi punca, maka apabila tiba masanya kita tukar mereka itu. Namun dalam konteks Umno, perjuangan parti itu mendahului segala-galanya.

Malah di Semenanjung sendiri pun, dalam mesyuarat Umno sama ada di peringkat cawangan, bahagian atau Majlis Tertinggi, kita nampak pemimpin boleh dikritik, ditegur dan boleh ditukar. Nyata apabila tindakan ini diambil, Umno bertambah dewasa kerana pimpinannya dapat meluruskan lagi perjuangan. Kita mengakui bahawa dalam Umno selagi seseorang itu boleh menjalankan tugas dan selagi dia dipercayai rakyat, malah selagi itulah ia tidak payah ditukar. Dengan demikian perjuangan Umno menjadi lebih konsisten dan sejati.

Soal: Mengenai keahlian Umno Sabah?

Jawab: Kita kini menjadi negeri yang mempunyai paling ramai ahli berbanding negeri lain. Jumlah tepat tak pasti, tapi keahlian sudah melebihi 220,000 orang dan ini menjadikan kita parti terkuat di negeri Sabah.

Soal: Bagaimana penerimaan rakyat secara umum terhadap Umno?

Jawab: Kalau dahulu mungkin mereka agak curiga, tetapi kini saya tidak nampak mereka menolak kita. Malah dalam waktu yang singkat ini pun, keahlian terus meningkat. Kita sedang memproses dan menapis banyak permohonan. Mereka ini datang secara sukarela kerana mungkin sudah insaf terhadap matlamat perjuangan sebenar Umno di negeri ini. Dan apabila BN mengambil alih pemerintahan dan seterusnya melaksanakan agenda pembangunan yang dijanjikan sebelumnya secara agresif, rakyat nampak dengan mata sendiri perubahan yang dinikmati.

Bagi rakyat di Sabah, soal terpenting bagi mereka ialah pembangunan. Jadi bagi kerajaan langkah utama yang perlu dititikberatkan ialah menyediakan kemudahan asas untuk mereka. Dengan peruntukan kerajaan negeri serta sokongan daripada Kerajaan Persekutuan, kita boleh menjanjikan masa depan yang lebih terjamin untuk rakyat dan negeri Sabah.

Soal: Bagaimana pula soal sentimen rakyat?

Jawab: Inilah yang perlu diperbetulkan. Pembangkang mengeksploitasi menggunakan sentimen. Sebab itulah mereka berusaha sedaya upaya hapuskan karier politik orang mereka sendiri menggunakan sentimen. Namun bagi Umno kita cukup berkeyakinan bahawa rakyat negeri ini tidak mudah terpedaya dengan sentimen yang cuba dipermainkan oleh pihak pembangkang. Dan ini sudah menunjukkan petanda positif.

Berdasarkan penerimaan rakyat terhadap kerajaan Barisan Nasional sehingga kini, rakyat lebih mementingkan soal pembangunan baik dari segi kemudahan asas mahu pun ekonomi. Kita kurangkan politiking, tapi gandakan usaha membawa pembangunan.

(END)

